

#### HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Kemudahan Teknologi Tinggi & Hijau (HTG-i) ini.

**Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat am dengan teliti**

**NAMA PRODUK: KEMUDAHAN TEKNOLOGI TINGGI & HIJAU-i( HTG-i) (Dahulunya dikenali sebagai Kemudahan Berteknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-i NIA))**

**TARIKH:**  
[Tarikh helaiian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

### 1. APAKAH MAKLUMAT BERKENAAN DENGAN PRODUK INI?

Kemudahan Teknologi Tinggi & Hijau-i (HTG-i) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan peruntukan dana sebanyak RM800 juta untuk membantu PKS dan syarikat baharu yang inovatif untuk mengembangkan perniagaan mereka dan melabur dalam sektor dan bidang teknologi strategik (teknologi digital, teknologi hijau dan bioteknologi) untuk pemulihan ekonomi yang mampan dan kukuh.

Kemudahan yang ditawarkan adalah untuk tujuan berikut:

- Modal kerja dan/atau perbelanjaan modal (*Capital Expenditure*-CAPEX) dan tidak akan digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit yang ada yang diberikan oleh institusi kewangan yang sama atau yang lain.
- Jumlah pembiayaan adalah termasuk duti setem, yuran guaman dan caj dokumentasi/kemudahan sebanyak 3% daripada jumlah kemudahan.

HTG-i disasarkan kepada \*Syarikat PKS dengan sekurang-kurangnya 51% saham dipegang dan dikawal oleh warganegara Malaysia dan berdaftar dengan yang berikut:

- 1) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada di bawah Akta Daftar Perniagaan (1956) atau Akta Pendaftaran Syarikat 1965 dan / atau Akta Pendaftaran Syarikat 2016 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (hak milik persendirian, hak pemilikan tunggal dan perkongsian); atau
- 2) Berdaftar dengan pihak berkuasa or pejabat daerah di Sabah dan Sarawak; atau
- 3) Pemegang saham oleh Syarikat Tersenarai Awam dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (jika ada) di dalam PKS tidak melebihi 20%.

HTG-i terbuka kepada PKS Malaysia yang berdaya maju\* dalam subsektor berikut:

- Dalam subsektor pembuatan dan perkhidmatan dengan skor Aspirasi Pelaburan Nasional (EA) yang tinggi:-
  - Elektrikal & elektronik (E & E)
  - Bahan kimia (termasuk farmaseutikal dan petroleum bertapis)
  - Peralatan Sainifik Optik dan Peralatan Perubatan
  - Jentera dan Peralatan (termasuk Robotik, Dron dan Teknologi Berkaitan Industri 4.0)
  - Peralatan pengangkutan (Aeroangkasa; kenderaan bermotor dan pengeluaran alat ganti yang terlibat dalam rantaian bekalan global atau peralihan ke arah mobiliti masa depan dan teknologi hijau)
  - Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); Dan
  - Perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

ATAU

- PKS yang terlibat dalam program inovasi sedia ada oleh Kerajaan untuk pelbagai teknologi kritikal, daripada menjalankan R&D, penciptaan bersama teknologi kepada pelesenan teknologi untuk tujuan pembangunan. \*\*Ini juga termasuk permulaan teknologi peringkat akhir di bawah program Kerajaan yang membangunkan teknologi kritikal dan bersedia untuk lulus dengan pembiayaan berasaskan bank.

ATAU

- PKS yang terlibat dalam menyediakan teknologi kritikal seperti teknologi hijau, digital dan bioteknologi.

Nota:

Penerima Kemudahan Bantuan Khas (Special Relief Facility-i, SRF-i), Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing-i, PSF-i), Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing-i, PTF-i) dan/atau Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF-i) layak memohon HTG-i, untuk tujuan pembiayaan perbelanjaan modal (CAPEX) sahaja

HTG-i boleh didapati dalam bentuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah (CMTF-i.) dan Surat Kredit-i

Pembiayaan ini akan tertakluk kepada had yang dibenarkan dan syarat yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia untuk kemudahan ini.

\*Mengikut definisi Bank Negara Malaysia - Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

\*\*Syarikat-syarikat ini telah mewujudkan aliran pendapatan dan mengkomersialkan produk dengan pelanggan sudah tersedia.

## 2. APAKAH KONTRAK SHARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq (Komoditi Murabahah). Ia adalah kaedah jualan dengan harga penambahan di mana Pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusan jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.

- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) setelah permintaan dibuat oleh Pelanggan.
- Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada Pelanggan dengan Harga Jualan Bank yang terdiri daripada harga komoditi dan margin/keuntungan bank. Pelanggan membayar secara bertahap dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) bagi mendapatkan wang.
- Pihak Bank, sebagai wakil Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga mengikut amaun pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada Pelanggan, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak eksklusif bagi pihak anda, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

Kontrak Syariah yang digunakan untuk Surat Kredit-i adalah Wakalah (Wakil) Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai wakil (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.

## 3. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

▪ <b>Jumlah Pembiayaan</b>	Sehingga RM10 juta, akan digunakan sama ada untuk CAPEX atau modal kerja, atau kedua-duanya sekali. (Gabungan Pembiayaan Berjangka dan Surat Kredit-i adalah dalam jumlah pembiayaan maksimum RM10 juta) <i>Kelulusan dan jumlah pembiayaan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank</i>	
▪ <b>Tempoh Pembiayaan</b>	Sehingga sepuluh (10) tahun	
▪ <b>Harga/Kadar Keuntungan</b>	<u>Untuk Pembiayaan Berjangka</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kadar efektif 5.00% setahun, termasuk yuran jaminan</li> <li>Kadar efektif 3.50% setahun, tanpa yuran jaminan</li> </ul> <u>Untuk Surat Kredit-i (sight/usance)</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>0.1% sebulan, minimum RM75.00</li> </ul> Nota: BNM menyediakan kadar pembiayaan 0% kepada institusi kewangan	
▪ <b>Harga Jualan Bank</b>	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) semasa adalah 6.40% setahun efektif dari 7 <sup>th</sup> November 2022	
	<b>Jika Kadar Keuntungan Efektif</b>	<b>Maka Harga Jualan Bank</b>
	KPA + (< 3.00%)	KPA + 4% atau 10%, mana yang tinggi
	KPA + (≥ 3.00%)	KPA + 4% + margin keuntungan atau 15%, mana yang tinggi

▪ <b>Perlindungan Jaminan</b>	Perlindungan Jaminan 80% daripada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan dari jumlah pembiayaan
▪ <b>Ketersediaan/Tempoh Permohonan</b>	Sehingga 31 Disember 2023 atau sehingga penggunaan penuh RM 1.10 billion dana BNM, yang mana lebih awal.
▪ <b>Faedah Tambahan Lain</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keyman Insuran/Takaful</li> <li>2. Maybank Islamic Kad Komersial-i</li> <li>3. SME Overdraft Protector Plus (ODP)</li> <li>4. Perkhidmatan Pengurusan Tunai/Gaji</li> </ol>

#### 4. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT?

Anda boleh memilih untuk penyerahan secara fizikal tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan secara fizikal komoditi tersebut perlu ditanggung oleh anda.

#### 5. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

##### Pembiayaan Berjangka Komoditi Murabahah

- Bayaran keuntungan bulanan adalah berdasarkan jumlah yang telah digunakan.
- Bayaran keuntungan bulanan\* akan dikira secara harian berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif, baki tertunggak dan bilangan hari bagi penggunaan dalam sebulan.

Terdapat dua jenis pembayaran:

<b>Bayaran Keuntungan Bulanan *</b>	RM_____ (Keuntungan)
<b>Bayaran Prinsipal**</b>	Dengan pengurangan had bulanan / suku tahunan / setengah tahun / tahunan atau pembayaran sekali gus sehingga semua amaun di bawah kemudahan itu dibayar sepenuhnya dalam tempoh kemudahan.

##### Contoh ilustrasi

Kadar Keuntungan : 5.00% setahun  
 Jumlah Pembiayaan : RM 1,000,000  
 Tempoh Pembiayaan : 10 tahun

Kadar = 5.00% setahun	
Bayaran ansuran bulanan	RM 10,606.55
Jumlah keuntungan pada akhir 10 tahun	RM 272,786.18
Jumlah pembayaran pada akhir 10 tahun	RM 1,272,786.18

##### **Nota:**

\*Bayaran Keuntungan Bulanan yang perlu dibayar mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan kepada Kadar Pembiayaan KPA. **Pihak Bank akan memberikan notis pemberitahuan perubahan kadar seawal dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh pelaksanaan.**

\*\*Seperti yang diluluskan oleh pihak Bank.

#### 6. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

▪ <b>Duti Setem</b>	Sebagaimana yang tercatat didalam Akta Setem 1949 (semakan semula pada 1989).
▪ <b>Yuran Perdagangan</b>	Berhubung dengan transaksi Komoditi Murabahah, pelanggan hendaklah membayar kepada pihak bank Yuran Perdagangan sebanyak RM 15 bagi setiap RM1.0juta amaun Kemudahan atau apa-apa amaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Yuran Jaminan Yang Perlu Dibayar kepada Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan</li> </ul>	<p>Yuran jaminan sebanyak 0.5% akan dicaj setiap tahun</p> <p>Yuran jaminan termasuk dalam kadar keuntungan</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cukai</li> </ul>	<p>Tertakluk kepada cukai dan levi sedia ada dan akan datang yang ditetapkan mengikut undang-undang.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lain-lain Yuran</li> </ul>	<p>Semua kos dan perbelanjaan seperti yuran guaman atau lain-lain caj yang terlibat dalam penyediaan dokumen permohonan dan dokumen untuk perlindungan risiko pihak bank</p>

Nota : Tertakluk kepada pematuhan Syariah, dua puluh satu (21) hari kalendar notis bertulis akan diberikan kepada anda sekiranya terdapat perubahan kepada yuran dan caj yang perlu di bayar dan perubahan tersebut akan berkuatkuasa dari tarikh yang di nyatakan dalam notis tersebut.

## 7. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI KEWAJIPAN SAYA?

Caj Lewat Bayar	<p>A. Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran lewat dan kemungkiran bayaran, berlandaskan mekanisma seperti di bawah:</p> <p>I. <u>Bayaran Tertunggak</u> Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan dikeluarkan sehingga tarikh matang, caj lewat bayar akan dikenakan sebanyak 1% setahun ke atas amaun yang tertunggak atau cara lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).</p> <p>II. <u>Apabila Matang/Penghakiman (yang mana terdahulu)</u> Kadar Harian Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki tertunggak yang perlu dibayar atau menggunakan kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>B. Walaubagaimanapun, caj lewat bayar yang dicaj tidak akan dikompaunkan kepada baki pembiayaan tertunggak.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang akan dikenakan jika anda gagal memberi respon kepada notis peringatan.</p>
Hak Untuk Tolak-Selesai	<p>Pihak Bank berhak menolak selesai dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terdahulu pada mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan Bank untuk melunaskan mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.</p>
Kadar Kemungkiran	<p>Jika berlaku kemungkiran selama (3) bulan dalam sebarang pembayaran tertunggak atau akaun kemudahan tunai-i melebihi had tiga (3) bulan berturut-turut dibawah pembiayaan ini, pihak Bank berhak untuk menaikkan margin keuntungan bagi kadar keuntungan efektif kepada Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau 1.0% setahun keatas kadar keuntungan efektif (jika kadar keuntungan efektif ialah Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau lebih), ("kadar kemungkiran") akan dikenakan pada jumlah yang tertunggak (tertakluk kepada pemberitahuan bertulis terlebih dahulu) atau kadar keuntungan lain dimana Bank akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak Bank dari semasa ke semasa.</p> <p>Untuk pembiayaan berjangka dimana bayaran untuk pembiayaan ini adalah mengikut bulanan, suku tahunan, setengah tahunan, tahunan atau pembayaran sekaligus, pihak Bank berhak menaikkan keuntungan margin dari kadar keuntungan kepada kadar kemungkiran untuk dikenakan pada jumlah yang tertunggak (tertakluk kepada pemberitahuan bertulis terlebih dahulu), atau kadar keuntungan lain dimana pihak Bank akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak Bank dari semasa ke semasa, jika pembayaran tertunggak dan tidak dibayar selama tiga (3) bulan dari hari pertama kemungkiran.</p>

Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran melebihi Harga Jualan Bank.

Dengan syarat bahawa kenaikan itu tidak akan menyebabkan jumlah pembayaran keseluruhan melebihi harga jualan bank. Kadar keuntungan kemungkiran akan ditukar semula kepada kadar keuntungan efektif semasa setelah semua tunggakan telah dibayar sepenuhnya.

#### 8. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

<b>Tempoh Tertutup untuk Penyelesaian Awal</b>	Tiada.					
<b>Yuran Penyelesaian Awal</b>	Tiada.					
<b>Rebat (Ibra')</b>	<p>Pihak Bank akan memberi rebat (<i>Ibra'</i>) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pelanggan membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal;</li> <li>(b) Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala);</li> <li>(c) Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan</li> <li>(d) Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank.</li> </ul> <p>Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada Pelanggan, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan ansuran kemudahan pembiayaan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center;">Baki Harga Jualan Bank</td> <td style="text-align: center;"><b>tolak</b></td> <td style="text-align: center;">Baki Kemudahan</td> <td style="text-align: center;"><b>tolak</b></td> <td style="text-align: center;">Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank</td> </tr> </table> <p>Anda boleh merujuk laman web kami di <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a> untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula Ibra'.</p>	Baki Harga Jualan Bank	<b>tolak</b>	Baki Kemudahan	<b>tolak</b>	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
Baki Harga Jualan Bank	<b>tolak</b>	Baki Kemudahan	<b>tolak</b>	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank		

#### 9. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG PERLINDUNGAN TAKAFUL?

Perlindungan takaful yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan Peribadi Berkurangan Takaful (PRTT)
- SME Takaful Overdraft Protector Plus (SME Takaful ODP Plus)

Perlindungan Takaful diatas akan ditawarkan kepada keyman/ pemilik bisnes dalam kes kematian atau kecacatan kekal.

#### 10. APAKAH RISIKO UTAMA?

Perlu diingatkan bahawa kadar keuntungan efektif boleh berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Kadar Pembiayaan Asas. peningkatan dalam kadar keuntungan efektif boleh menyebabkan bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, sila hubungi kami lebih awal untuk berbincang mengenai kaedah alternatif bayaran.

**11. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat dihubungi atau menerima surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini butir-butir perhubungan anda, sila hubungi kami melalui surat menyurat atau hubungi kami melalui salah satu rangkaian sebagai contoh: M2U atau lawati cawangan asal anda.

**12. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

- i) Jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran, anda perlu menghubungi kami secepat yang mungkin untuk berbincang mengenai pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Nama Cawangan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Tel/Faks : \_\_\_\_\_ E-mel : \_\_\_\_\_

- ii) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall

1001, Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : 1-800-88-2575 E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- iii) Sekiranya anda ingin mengadu mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di cawangan asal:

atau;

Talian Bantuan Pelanggan

Tel: 1-300-88-6688 (Tempatan) , 603 - 78443696 (Luar Negara)

E-mel: [mgcc@maybank.com.my](mailto:mgcc@maybank.com.my)

- iv) Jika anda tidak berpuas hati dengan cara kami menjawab pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia link atau telelink di:

Block D, Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

Tel : 1-300-88-5465

Faks : 03-21741515 E-mel : [bnmteletelink@bnm.gov.my](mailto:bnmteletelink@bnm.gov.my)

**13. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPATKAN MAKLUMAT TAMBAHAN?**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Cawangan Maybank/Maybank Islamic:

Alamat :

Tel :

E-Mel:

**14. ADAKAH SKIM LAIN YANG DITAWARKAN OLEH BB?**

1. Kemudahan Automasi & Pendigitalan-i (ADF-i-)
2. Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (AES-i)

3. Kemudahan Bantuan & Pemulihan Bersasar (TRRF-i)
4. Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH (PGGS-i)
5. Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF-I)
6. Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (BRF-I)
7. Pakej Pembiayaan SME+.

**PENAFIAN TUNTUTAN**

Maklumat serta terma dan syarat am yang dinyatakan di dalam helaian maklumat produk ini adalah bagi tujuan memberi maklumat dan tidak terikat kepada pihak Bank. Terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran selepas penilaian kredit dan kelulusan akhir oleh pihak Bank.

**NOTA PENTING:**

**PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN.**

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan ini sah pada April 2023 dan akan sah sehingga penambahbaikan berkala berikutnya.

**Pengakuan Pelanggan**

Saya mengakui bahawa penjelasan yang mencukupi telah diberikan oleh pegawai bank kepada saya mengenai syarat-syarat penting dalam dokumen ini.

[\*Untuk Perkongsian/Pemilikan Tunggal]

[\*Untuk Syarikat]

.....  
Setem Perniagaan  
Nama Penandatanganan yang Sah:  
Nombor Kad Pengenalan:  
Tarikh:

.....  
Penandatanganan yang Sah dan Setem Perniagaan  
untuk <\*Syarikat>Nama Pelanggan>  
Nama:  
Nombor Kad Pengenalan:  
Tarikh: